

| | | | |
|-------------|--|------------|---------|
| Headline | FOMCA Pengguna boleh jimat bil elektrik 20 peratus | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 20 Aug 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 171,663 | Readership | 563,000 |
| Section | Dlm Negeri | Page No | 31 |
| ArticleSize | 110 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 4,338 | | |
| | | | |



FOMCA: Pengguna boleh jimat bil elektrik 20 peratus

KUALA LUMPUR 19 Ogos - Pengguna boleh menjimatkan bil elektrik mereka sehingga 20 peratus sekiranya mereka mengikuti syor-syor yang dikemukakan oleh Gabungan Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA) berhubung penggunaan elektrik.

Presiden FOMCA, Datuk Dr. N. Marimuthu berkata, pihaknya sentiasa berusaha mendidik pengguna mengenai kepentingan penjimatan penggunaan elektrik untuk kebaikan bersama.

“Banyak langkah penjimatan yang disyorkan antaranya menutup suis dan mencabut soket elektrik apabila tidak menggunakan peralatan elektrik tersebut.

“Tindakan ini dapat memberi impak besar dalam menjimatkan elektrik iaitu sebanyak 20 peratus,” katanya dalam sidang akhbar selepas persidangan Masa

Depan Tenaga: Dari Perspektif Pengguna di sini semalam.

Tambahnya, FOMCA sentiasa bekerjasama dengan beberapa agensi seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) dan beberapa agensi lain bagi mendidik masyarakat tentang penggunaan elektrik yang efisien.

“Usaha mendidik pengguna mengenai penjimatan elektrik dilakukan di peringkat akar umbi lagi iaitu dari golongan kanak-kanak sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dan suri rumah.

“Kesedaran mengenai penjimatan elektrik harus dipupuk dari awal supaya ia dapat dijadikan amalan dalam kehidupan seharian masyarakat negara ini,” katanya.